

13/01/1997

Shariff tidak duga dilantik

BUTTERWORTH, Ahad - Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar yang juga Ketua Umno Bahagian Tasek Gelugor mengucapkan terima kasih kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantik beliau sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Menurutnya, beliau tidak menduga dilantik ke jawatan itu.

"Saya bersyukur selepas mendapat tahu mengenainya," katanya mengulas kenyataan Dr Mahathir mengenai pelantikan tujuh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Negeri.

(END)